

# Kenyataan Tun M boleh jejas kemasukan pelabur

**JOHOR BAHRU:** Kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad agar pelabur asing tidak melabur di negara ini kerana mendakwa kerajaan sekarang bersikap zalim tidak wajar.

Setiausaha UMNO Johor, Datuk Abdul Halim Suleiman berkata, kenyataan sedemikian hanya akan merugikan negara sekiranya pelaburan asing tidak lagi masuk ke negara ini pada masa depan.

“Dr. Mahathir dalam sidang media seperti cuba menakutkan pelabur dengan situasi negara sekarang ini yang kononnya sedang bermasalah.

“Sedangkan yang ada masalah cuma dia, Tun Daim Zainuddin dan anak-anak mereka sahaja sedangkan negara sedang alami pertumbuhan ekonomi dengan begitu baik. Bila dia dan keluarga dia ada masalah, kenapa mahu seret kestabilan negara sendiri ke kancah kekalutan yang tiada kena mengena,” katanya.

Tambah beliau, kenyataan Dr. Mahathir itu boleh menggugat kestabilan ekonomi negara.

“Saya desak Dr. Mahathir dikenakan tindakan segera sebab sudah mencetuskan spekulasi negatif pelabur terhadap kerajaan dan negara. Apatah lagi sebagai bekas Perdana Menteri, pastinya kata-kata yang keluar daripada mulut beliau sedikit sebanyak boleh menjejaskan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

“Sebab itulah tindakan Dr. Mahathir tidak boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan kestabilan ekonomi dan kepercayaan pelabur untuk terus melabur di negara ini,” jelasnya.

Sehubungan itu katanya, UMNO Johor mahu Kementerian Dalam Negeri dan polis mengambil tindakan segera ekoran siasat kenyataan berbaur ugutan terhadap kemakmuran negara itu.

“Bagi saya Dr. Mahathir sudah melampau apabila mengheret negara dalam masalah peribadi dia sendiri,” katanya.